

11 NOV 2001

Mahathir-Lasak

DR MAHATHIR RAIH TEMPAT KETIGA MENUNGGANG LASAK

PUTRAJAYA, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad muncul pemenang ketiga individu Perdana Klasik 20 km dalam kejohanan menunggang lasak antarabangsa PDRM/TNB 2001 yang berlangsung di sini hari ini.

Perdana Menteri menamatkan tunggangannya dalam masa satu jam 48 minit dan empat saat.

Johan bagi acara itu ialah Datuk Bandar Kota Kinabalu Datuk Abdul Ghani Rashid dengan masa 1 jam 1 minit 59s dan naib johan ialah Insp. Mohamad Din Mat dengan catatan 1:2:00s.

Acara itu bermula di Stable Unit Berkuda Putrajaya dan tamat di hadapan Dewan Serbaguna Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali adalah antara yang menunggu di garisan penamat untuk mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri.

Dalam acara berpasukan bagi kategori itu, pasukan Perdana Menteri mendapat tempat kedua dengan catatan masa keseluruhan iaitu lima jam, 24 minit dan 14 saat.

Johan berpasukan bagi kategori itu disandang oleh pasukan Mayor yang diketuai oleh Datuk Bandar Kota Kinabalu Datuk Abdul Ghani Rashid (3:52:13s) dan tempat ketiga oleh pasukan TNB yang diketuai Pengerusi TNB Datuk Dr Jamaludin Jarjis (5:24:40s).

Sewaktu bercakap kepada pemberita di Uniten selepas acara itu, Perdana Menteri berkata, sukan ekuestrian sangat menarik dan patut disertai oleh warga Malaysia.

Katanya, acara yang disertainya itu terpaksa ditamatkan dalam jarak 17 km daripada jarak asalnya 20 km, kerana masalah jalan yang kurang elok.

"Walaupun pada mulanya, saya jangka mungkin tak dapat habis, tapi akhirnya habis juga.

"Tapi ini bukanlah yang terpanjang dan yang terlama yang saya pernah menunggang. Saya pernah menunggang sehingga 30 km, tapi kali ini walaupun 17 km, ini cuacanya kering, kita berpeluh banyak," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mengambil bahagian acara hari ini ialah untuk "memimpin secara teladan" dan menggalakkan lebih ramai rakyat menyertai sukan itu.

"Menang sukar bagi seseorang yang berumur seperti saya tetapi jika saya tak mulakan sesuatu, orang lain tak akan buat.

Katanya kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan untuk menggalakkan semua jenis sukan.

Dr Mahathir berkata sukan ekuestrian di Malaysia berbanding di negara-negara lain.

-- BERNAMA

AFY DC MAI